

# ISTIADAT PERBARISAN PERSARAAN MEJ JEN DATO' JOHAR RAZALI BIN HJ AHMAD TUDM

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4524-istiadat-perbarisan-persaraan-mej-jen-dato-johar-razali-bin-hj-ahmad-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4524-istiadat-perbarisan-persaraan-mej-jen-dato-johar-razali-bin-hj-ahmad-tudm)



KUCHING, 15 Feb 19 - Istiadat Perbarisan Persaraan Mej Jen Dato' Johar Razali bin Hj Ahmad TUDM telah berlangsung di Hangar Cawang Kejuruteraan, Pangkalan Udara Kuching pagi ini. Majlis yang diadakan secara penuh istiadat ini telah dihadiri oleh Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM bersama Isteri, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hjh Tengku Muhaini binti Sultan Ahmad Shah serta pegawai-pegawai kanan TUDM dan isteri.

Beliau yang merupakan Mantan Inspektor Jeneral turut menegaskan agar semua pihak perlu meningkatkan kesedaran keselamatan dikalangan anggota.

"Gentlements, continue to work as a team because safety begins with teamwork" ujar beliau dalam ucapannya. Hal ini kerana kesedaran keselamatan amat penting dalam mengelakkan kehilangan nyawa dan harta. Di akhir ucapannya beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan tertinggi TUDM serta semua pihak yang menjayakan perbarisan pada pagi ini.





